

Anak Husam didakwa

Anak Husam didakwa

ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU - Anak lelaki Adun Salor, Datuk Husam Musa, Ahmad Syafi, 29, yang berdepan dakwaan memiliki dadah dibebaskan dengan jaminan RM10,000 di mahkamah majistret, di sini, semalam.

Ahmad Syafi dibebaskan selepas pihak keluarga menjelaskan jaminan, jam 12.15 tengah hari.

Dia sebelum itu dibawa ke mahkamah untuk didakwa memiliki 20 gram (g) dadah jenis metamphetamine di tepi sebuah rumah Kampung Jelutong, Jalan Pasir Mas- Salor di sini, jam 3.30 petang, Sabtu lalu.

Penganggu berijazah itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret Kamarul Hasyime Rosli.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya negeri, Muhamad Shahirun Azri Mohd Nordin, manakala tertuduh diwakili lima peguam diketuai Firdaus Mohd Yusuf.

Terdahulu, Muhamad Shahirun mencadangkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin, namun Firdaus memohon jumlah itu dikurangkan kepada RM8,000.

"Jumlah yang dicadangkan itu akan



Ahmad Syafi dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kota Bharu, semalam.

membebaskan anak guam kami dan tertuduh pula pertama kali dihadapkan ke mahkamah serta tidak pernah memiliki rekod jenayah.

"Tertuduh tinggal di Kota Bharu dan yakin dia akan menghadirkan diri untuk prosiding kes selepas ini," katanya.

Kamarul membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 14 Januari 2018.

Padah pukul ibu tiri

KUALA LUMPUR - Akibat memukul ibu tiri dengan objek keras sehingga kepalanya berdarah, seorang penghantar surat dijatuhkan hukuman penjara empat bulan dan denda RM2,000 oleh mahkamah majistret di sini, semalam.

Majistret Mahyudin Mohmad Som menjatuhkan hukuman itu terhadap S Shadhees Kumar, 21, selepas dia mengaku mencederakan ibu tirinya, M Sugenthi, 40, di rumah PPR Intan Baiduri, Sentul, di sini, jam 8.30 pagi pada 26 September lalu.

Mahkamah memerintahkan Shadhees Kumar menjalani hukuman penjara itu bermula dari tarikh tangkap pada 2 November lalu, dan tertuduh akan dipenjara dua bulan lagi sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Ketika ditanya Mahyudin mengapa dia memukul ibu tirinya, tertuduh menjawab: "Saya balik tidur dekat rumah pun dia marah, dia maki emak saya, sebab itu saya pukul dia."

Shadhees Kumar yang tidak diwakili peguam merayu hukuman ringan dengan alasan dia telah insaf, tetapi Timbalan Pendakwa Raya, Nur Farah Adilah Noordin memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal, mengambil kira kecederaan yang dialami mangsa. - *Bernama*